

16 NOV 1998

APEC-BERITA-KRISIS

PARA PEMIMPIN APEC MULA BERBINCANG ESOK

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Para pemimpin lingkaran Pasifik yang berkumpul di sini akan memulakan sidang kemuncak selama dua hari mereka esok yang antara lain dijangka ditumpukan kepada krisis kewangan Asia.

Walaupun perbincangan mengenai skim Liberalisasi Awal Mengikut Sektor Secara Sukarela (EVSL) pada peringkat pegawai dan menteri menjadi tajuk utama akhbar dalam beberapa hari lepas, perbincangan pada peringkat ketua kerajaan itu dijangka ditumpukan kepada usaha-usaha untuk menyelesaikan krisis itu.

Ini adalah harapan tuan rumah forum Kerjasama Ekonomi ASia-Pasifik (Apec) 1998 Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkata bahawa krisis kewangan selama enam bulan itu terdapat dalam agenda (sidang kemuncak itu).

Selain daripada kegawatan kewangan, juga dijangka akan dibincangkan ialah topik-topik berhubung dengan kerjasama ekonomi, rundingan dagangan berbagai hala dan perdagangan elektronik.

Kesemua 21 pemimpin itu, termasuk Naib Presiden Amerika Al Gore dan Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi, akan memulakan mesyuarat mereka dengan taklimat oleh Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac).

Abac akan membentangkan laporannya mengenai krisis kewangan, kerjasama ekonomi dan teknikal serta cadangan mengenai perusahaan kecil dan sederhana, perdagangan elektronik dan pemantauan pekan tindakan liberalisasi ekonomi ekonomi Apec.

Dr Mahathir telah berkata bahawa apa yang Malaysia minat sekali ialah "sikap" Apec terhadap masalah kewangan yang tercetus daripada penurunan mendadak baht Thailand pada Julai tahun lepas berpunca daripada aktiviti tidak terkawal pedagang-pedagang matawang.

Tujuan Malaysia ialah untuk mengajak ekonomi-ekonomi berbincang mengenai perkara itu walaupun ia tidak ada cadangan yang khusus untuk dikemukakan pada sidang kemuncak itu.

Dr Mahathir telah menggunakan semua peluang yang ada untuk menyuarakan kemarahannya terhadap spekulator matawang yang disalahkannya kerana menghancurkan ekonomi beberapa negara Asia, termasuk Malaysia, dan telah menggesa supaya beberapa pembaharuan dilakukan terhadap perdagangan matawang.

Beliau memberitahu para wartawan yang membuat liputan mesyuarat-mesyuarat Apec itu di Palace of the Golden Horses Hotel dipinggir ibukota bahawa terdapat harapan untuk mendapat sokongan kepada gesaan Malaysia itu untuk mengadakan kawalan terhadap urusan mayawang.

Katanya persetujuan seperti itu tidak sukar untuk dicapai kerana kebanyakan para pemimpin itu telah menyatakan sokong terhadap percubaan untuk menginstitusi lebih ketelusan dalam dagangan matawang.

Sesuatu yang menarik muncul daripada pertemuan dua hala antara Dr Mahathir dengan rakan-rakan pemimpinnya hari ini apabila mereka bersetuju bahawa langkah-langkah untuk menempa arah baru bagi sistem kewangan antarabangsa tidak boleh dibiarkan kepada kumpulan tujuh negara maju (G-7) yang mengandungi negara-negara terkaya di dunia.

Sebaliknya, Kumpulan G22 yang lebih seimbang mengandungi negara-negara maju dan membangun daripada Utara dan Selatan telag dicadang sebagai kumpulan tunggak untuk mencari penyelesaian.

Apec mengandungi Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New

Guinea, Peru, Filipina, Rusia, Singapura, Taipei-China, Thailand, Amerika
Syarikat dan Vietnam.

-- BERNAMA

MAM YBY WAT